

Pembelian jet pejuang TUDM ikut tender: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa pembelian jet pejuang Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia dalam r a n c a n g a n pembesarannya akan dijalankan mengikut peraturan tender biasa.

"Sekiranya Kerajaan memutuskan untuk membeli jet pejuang Vought A-7D Corsair, ia akan dilakukan mengikut peraturan tender biasa," jelasnya.

Katanyanya, rakyat tidak perlu bimbang kerana mereka tentu mahukan Kerajaan membeli yang terbaik untuk negara ini.

Bellau mengulas laporan akhbar tempatan menyatakan kerajaan menimbang dengan serius membeli jet pejuang Corsair dan bukan jenis McDonnell Douglas A-4 Skyhawk.

Satu pasukan membuat penilaian jet-jet tersebut telahpun berlepas ke Amerika Syarikat bulan lalu bagi m e n g e t a h u i kemampuannya yang ditawarkan oleh syarikat yang berpangkalan di Texas.